

19-2-2025

33,500 pengguna hadapi gangguan air 18 jam di Pulau Pinang bermula Jumaat ini



GEORGETOWN: Kira-kira 33,500 pengguna sekitar sekitar Air Itam, Farlim dan Paya Terubong bakal berdepan gangguan bekalan air berjadual (SWSI) selama 18 jam berikutan kerja pelencongan saluran paip projek pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu-Air Itam bermula jam 9 malam, Jumaat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk K Pathmanathan, berkata pihaknya perlu menutup sementara injap membabitkan lima rumah pam untuk memudahkan tugas penyambungan akhir projek pelencongan saluran paip 600 milimeter (mm) di Lebuhraya Thean Teik yang terletak di hadapan Pasar Farlim.

"Tempoh SWSI itu bermula jam 9 malam, 21 Februari hingga 3 petang, 22 Februari dengan saluran paip bekalan air keluli lembut utama sedia ada mesti dialihkan dengan selamat dari kawasan projek untuk mengelakkan kejadian yang boleh menyebabkan masalah bekalan air di kawasan terjejas.

"PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku dan sila ambil perhatian bahawa SWSI ini adalah perlu bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembangunan negeri yang sedang berjalan untuk manfaat rakyat," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Pathmanathan berkata, SWSI itu telah diluluskan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menerusi surat yang diterima PBAPP semalam dan pihaknya menyarankan pengguna di kawasan terjejas menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan isi rumah mereka, sepanjang tempoh gangguan bekalan air.

PBAPP menyenaraikan 67 kawasan kejiranannya bakal terjejas dengan SWSI itu, termasuk All Season Place; Lebuh Rambai 1 hingga 17; Bomba Sukarela Jalan Thean Teik; Lengkok Angsana; Desa Baiduri; Lengkok Tun Mohamed Salleh Ismail; Halaman Zoo Satu; Pasaraya Sunshine dan Kampung Lembah Ria.

Turut terjejas Taman Seri Rambai; Pangsapuri Jasmin; Taman Sri Idaman; Kampung Bukit Paya Terubong; Taman Thean Teik 1 hingga 4; Klinik Kesihatan Air Itam; Happy Valley; Jalan Bukit Kukus; Pangsapuri Medan Angsana; Melodi Homes; Taman Sri Idaman; Taman Sri Timur dan Taman Lone Pine.

Orang ramai boleh merujuk senarai penuh dan maklumat terkini mengenai SWSI 18 jam di Air Itam, Farlim dan Paya Terubong di lama Facebook PBAPP atau hubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP di talian 04-255 8255.